



## SOALAN-SOALAN LAZIM - WAQAF TUNAI MELALUI PENDEBITAN KEUNTUNGAN

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah platform bagi pemegang akaun deposit Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menyumbang keuntungan yang diperoleh daripada simpanan bulanan ke mana-mana organisasi Waqaf yang mengambil bahagian.
2.	Siapakah yang boleh menyumbang kepada Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah tersedia untuk semua pelanggan individu baharu dan sedia ada yang mempunyai akaun deposit di BSN.  <b>Nota: Tidak tersedia untuk Akaun Bersama dan Akaun Amanah</b>
3.	Bagaimanakah cara untuk menyertai Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Pelanggan dikehendaki untuk memberi persetujuan melanggan Waqaf Tunai melalui kaunter di mana-mana Cawangan BSN. Untuk pembatalan, pelanggan juga perlu mengunjungi Cawangan BSN.
4.	Apakah produk yang terlibat bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Pada masa ini, produk yang tersedia untuk sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan ialah produk BSN GIRO/i sahaja.
5.	Apakah kekerapan pendebitan keuntungan bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Amaun keuntungan akan didebitkan secara automatik pada setiap bulan.
6.	Berapakah peratusan sumbangan yang dibenarkan untuk Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Peratusan sumbangan yang dibenarkan untuk Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah 100% daripada jumlah keuntungan yang diperoleh.
7.	Bagaimanakah cara untuk mengubah sumbangan bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Pelanggan perlu mengunjungi mana-mana Cawangan BSN untuk sebarang perubahan.
8.	Adakah sumbangan tersebut boleh diagihkan kepada beberapa pertubuhan Waqaf?	Tidak. Amaun keuntungan hanya boleh disalurkan kepada satu organisasi Waqaf yang dipilih oleh pelanggan semasa persetujuan penyertaan.
9.	Bagaimana untuk mengubah sumbangan Waqaf ke organisasi lain?	Pelanggan perlu mengunjungi mana-mana Cawangan BSN untuk sebarang perubahan.
10.	Adakah pelanggan boleh menggunakan dana sendiri bagi sumbangan kepada waqaf dan bukannya melalui Pendebitan Keuntungan?	Boleh. Sila layari Perbankan Internet myBSN bagi sumbangan kepada Perbadanan Penerima menggunakan dana peribadi melalui Pembayaran Bil.  Untuk saluran lain, pelanggan boleh merujuk senarai terkini berikut: <a href="#">Saluran Perbankan   BSN Malaysia</a> .
11.	Adakah terdapat sebarang bayaran perkhidmatan yang dikenakan untuk sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Tiada caj akan dikenakan untuk sebarang transaksi bagi sumbangan Waqaf ini.
12.	Bagaimana jika pelanggan ingin mendapatkan resit rasmi sumbangan Waqaf Tunai bagi tujuan bayaran balik cukai?	Sila rujuk kepada organisasi Waqaf yang terlibat untuk resit sumbangan bagi tujuan bayaran balik cukai.

No.	Soalan	Jawapan
13.	Organisasi Waqaf manakah yang terlibat bagi sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan ini?	Bagi Pendebitan Keuntungan, sumbangan boleh dibuat kepada organisasi berikut: (i) Yayasan Waqaf Malaysia (ii) Perbadanan Wakaf Selangor (iii) Jariah Wakaf Johor (iv) Wakaf Pulau Pinang (v) Majlis Ugama Islam Sabah (vi) Tabung Baitulmal Sarawak
14.	Di mana pelanggan boleh mendapatkan Terma dan Syarat Produk?	Terma dan Syarat Produk boleh didapati melalui laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> .
15.	Apakah saluran yang disediakan sekiranya pelanggan ingin mengetahui maklumat dengan lebih lanjut?	Pelanggan boleh mendapatkan maklumat daripada saluran-saluran berikut: a) Hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN melalui talian 1300-88-1900 yang beroperasi dari 8.00 pagi hingga 10.00 malam b) Layari laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> c) Kunjungi mana-mana Cawangan BSN